

>>Formula **lapuk** yang bergantung kepada kelayakan akademik tidak lagi **relevan**

SUSULAN JUTAWAN GAME

Ubah cara berfikir

■ **Bekalan sijil akademik kini bukan 'lesen' hidup senang**

Intan Mas Ayu Shahimi
imas@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

“**B**anyak hobi yang mampu menjana pendapatan lumayan, asalkan seseorang itu komited untuk mencuba, mahu memajukan diri, kreatif serta inovatif,” kata pakar sosial yang juga Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran. Jelasnya, kejayaan anak

muda kelahiran Selangor, Chai Yee Fung, 26, bergelar jutawan ‘gamers’ menerusi pertandingan permainan video Defense of the Ancients (DOTA) dan DOTA 2, wajar membentuk kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai ruang serta peluang untuk berjaya.

“Hari ini, kalau hendak berjaya, kita tidak boleh lagi berpegang kepada paradigma awal atau formula lama.

“Kalau dulu, kebanyakan daripada kita percaya bahawa hanya orang yang memiliki sijil, ijazah atau graduan universiti boleh berjaya.

“Namun, kini sesiapa saja yang mampu mengadaptasi

kebolehan, mengembangkan hobi dan kecenderungan diri boleh mengukir kejayaan lebih besar, apatah lagi ia mengikut kesesuaian zaman,” katanya ketika mengulas laporan muka depan Harian Metro, kelmarin.

Mengambil kira faktor perbezaan zaman, Dr Mohammad Shatar berkata, anak muda kini lebih terarah kepada

aktiviti maya berbanding fizikal seperti 15 atau 20 tahun lalu.

“Bagi mereka yang kreatif, kemajuan Internet bukan setakat menawarkan aktiviti e-Sukan, permainan video atau jual beli dalam talian untuk pasaran tempatan, tapi peluang untuk menyinar ke peringkat antarabangsa.

“Semua ini bergantung kepada kemampuan individu itu sendiri untuk mengenal pasti kemampuan serta kehendak masyarakat semasa.

“Kelompok inilah yang walaupun tidak ada asas dalam akademik, namun berupaya bangkit



LAPORAN Harian Metro, kelmarin.

mencipta kejayaan dalam arena tersendiri,” katanya.

Begitupun, katanya, mereka yang berkecimpung dalam aktiviti maya perlu menyedari hakikat bahawa setiap perkara yang diteroka lebih bersifat trend serta boleh berubah dari semasa ke semasa.

“Perkara paling penting, mereka harus sentiasa proaktif untuk kekal dalam bidang yang diteroka dan pada masa sama kreatif membentuk peluang baru supaya tidak tewas di te-

ngah jalan,” katanya.

Beliau berkata, galakan dan sokongan padu wajar diberi kepada mereka yang komited mengubah hobi kepada sumber pendapatan peribadi.

“Dunia kini memang menuntut kita untuk terus kreatif dan inovatif dalam hidup.

“Daripada memiliki hobi sekadar untuk kesukaan diri, tidak salah jika optimumkan sumber (hobi) sedia ada untuk menjana keuntungan,” katanya.

“**Semua ini bergantung kepada kemampuan individu itu sendiri**”
Dr Mohammad Shatar Sabran